

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]

TARIKH : 26 OKTOBER 2015 [ISNIN]

SOALAN :

YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah paras kemiskinan di Malaysia mengikut peratusan pecahan etnik dan pecahan negeri dari tahun 2008 sehingga kini dan apakah langkah-langkah proaktif dan realistik yang diambil Kerajaan untuk membasmi kemiskinan terutama sekali daripada semua kategori kemiskinan.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, paras kemiskinan di Malaysia diukur berasaskan konsep keperluan kos minimum makanan dan bukan makanan oleh sesebuah isi rumah untuk terlibat secara produktif dalam aktiviti ekonomi. Kaedah pengukuran kemiskinan ini menggunakan maklumat Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (PPIR) yang dijalankan 2 kali setiap 5 tahun dengan mengambilkira faktor perkembangan ekonomi semasa.

Berdasarkan PPIR bagi tahun 2007, 2009, 2012 dan 2014, insiden kemiskinan adalah seperti berikut:

	Insiden Kemiskinan (%)			
	2007	2009	2012	2014
Malaysia	3.6	3.8	1.7	0.6
Etnik				
Bumiputera	5.1	5.3	2.2	0.8
Cina	0.6	0.6	0.3	0.1
India	2.5	2.5	1.8	0.6
Lain-lain	9.8	6.7	1.5	0.9
Negeri				
Johor	1.5	1.3	0.9	0.0
Kedah	3.1	5.3	1.7	0.3
Kelantan	7.2	4.8	2.7	0.9
Melaka	1.8	0.5	0.1	0.1
Negeri Sembilan	1.3	0.7	0.5	0.4
Pahang	1.7	2.1	1.3	0.7
Pulau Pinang	1.4	1.2	0.6	0.3
Perak	3.4	3.5	1.5	0.7
Perlis	7.0	6.0	1.9	0.2

	Insiden Kemiskinan (%)			
	2007	2009	2012	2014
Selangor	0.7	0.7	0.4	0.2
Terengganu	6.5	4.0	1.7	0.6
Sabah	16.4	19.7	8.1	4.0
Sarawak	4.2	5.3	2.4	0.9
W.P. Kuala Lumpur	1.5	0.7	0.8	0.1
W.P. Labuan	4.2	4.3	1.1	1.1
W.P. Putrajaya	-	-	-	-

Nota: 0.0 merujuk kepada nilai peratus yang lebih kecil daripada 0.05

Sumber: PPIR, Jabatan Perangkaan Malaysia

Pencapaian ini diperoleh melalui pelaksanaan program pembangunan yang menumpukan kepada menangani isu poket kemiskinan dalam kalangan rakyat, khususnya bagi masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan mereka yang tinggal di luar bandar dan pedalaman Sabah dan Sarawak. Memandangkan kemiskinan bukan lagi isu utama, pendekatan pembangunan tersebut telah dikembangkan kepada kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (isi rumah B40) selaras dengan matlamat Kerajaan untuk mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), tumpuan akan terus diberi untuk meningkatkan penyertaan kumpulan isi rumah B40 dalam aktiviti ekonomi selain menangani isu poket kemiskinan. Ini bagi memastikan isi rumah B40, termasuk isi rumah miskin tanpa mengira gender, etnik, status sosioekonomi dan kedudukan geografi terlibat dan mendapat manfaat daripada aktiviti ekonomi. Inisiatif utama termasuk:

- (i) Meningkatkan pendapatan dan kekayaan isi rumah B40 dengan:
 - (a) memastikan akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran tinggi dengan menggalakkan institusi pengajian tinggi dan latihan kemahiran menyediakan tempat pengajian berdasarkan kriteria dan kuota kemasukan khas;
 - (b) meningkatkan produktiviti dengan menggalakkan penggunaan teknologi moden melalui program modular berstruktur yang menumpukan kepada teknik moden dan amalan baik;
 - (c) meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) melalui latihan ICT asas;
 - (d) meningkatkan sokongan keusahawanan secara bersepadu dengan meningkatkan kerjasama antara agensi pembangunan usahawan;
 - (e) menggalakkan pelaburan di kawasan majoriti isi rumah B40 bagi menyediakan peluang pekerjaan dan perniagaan yang lebih baik; dan
 - (f) memperluas program pelaburan bagi meningkatkan pemilikan kekayaan isi rumah B40;

- (ii) Menangani kos sara hidup melalui:
 - (a) pemantauan dan penguatkuasaan peraturan berkaitan kawalan harga bagi mengekang kenaikan harga yang tidak munasabah, terutamanya barangan keperluan asas;
 - (b) meningkatkan penyediaan rumah mampu milik dengan menyediakan pinjaman perumahan dengan kadar faedah istimewa dan memperluas skim perumahan mampu milik;
 - (c) meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan dengan menggalakkan penyertaan sektor swasta dan badan bukan kerajaan;

- (d) memperkenalkan sistem jaringan perlindungan sosial yang bersepadu dan komprehensif dengan dasar penamatan yang jelas; dan
- (e) meningkatkan program pengurusan kewangan dan hutang bagi memupuk budaya pengurusan kewangan yang berhemat.

Sekian. Terima kasih.